

**NO. DAFTAR
KONTRAK:**

K 39 / 2020

PERJANJIAN

DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

DENGAN

**MPTEC ENTERPRISE
(Co. No. 001167291-D)**

BAGI

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN MEKANIKAL DAN
ELEKTRIKAL BAGI KOMPLEKS BANGUNAN PEJABAT
UNTUK PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, PETALING
JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**

No. Perjanjian : MPC 33/2019

Nilai Kontrak : RM188,640.00

Nilai Cagaran: Dikecualikan.



DOKUMEN PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada 1 haribulan Januari 2020 DI ANTARA PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA yang ditubuhkan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 (selepas dari ini disebut "MPC") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak DAN MPTEC ENTERPRISE sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia (Co. No. 001167291-D) dan yang beralamat di Blok BB-00-15, Jln Angsana 8, Taman Bukit Angsana, Off Jln Cheras Kajang, Hulu Langat, 43200 Cheras Selangor Darul Ehsan (selepas dari disebut sebagai "Kontraktor") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

MUKADIMAH

1. BAHAWASANYA MPC adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan bernama Perbadanan Produktiviti Malaysia yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperoleh dan memegang harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.
2. DAN BAHAWASANYA MPC telah mempelawa syarikat-syarikat atau firma-firma yang berkeelayakan menurun syarat-syarat yang dinyatakan dalam 'Syarat-Syarat Am Tender' dalam Dokumen Sebut Harga untuk Perkhidmatan Penyelenggaraan Bangunan (Mekanikal & Elektrikal) Di Bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan (selepas dari ini disebut sebagai "kontrak tersebut")).

3. **DAN BAHAWASANYA** kontraktor telah memohon kepada MPC dan menawarkan untuk melaksanakan dan menjalankan kontrak tersebut yang disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam atau yang hendaklah ditakrifkan dari Dokumen Sebut Harga dan dirujukkan di sini sebagai Lampiran 1 Perjanjian ini.
4. MPC bersetuju menerima tawaran dari Kontraktor seperti yang dirujukkan di perenggan tiga (3) di atas tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1.0 TAKRIF

- 1.1 Dalam perjanjian ini dan dalam syarat-syarat dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
- 1.2 "MPC" maksudnya **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang diperbadankan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966.
- 1.3 "Kontraktor" maksudnya **MPTEC ENTERPRISE** sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftaranya di **Blok BB-00-15, Jln Angsana 8, Taman Bukit Angsana, Off Jln Cheras Kajang, Hulu Langat, 43200 Cheras, Selangor, Darul Ehsan.**
- 1.4 "Dokumen Sebut Harga " maksudnya dokumen yang dilampirkan bersama dengan perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dari perjanjian ini.
- 1.5 "Perkhidmatan " maksudnya semua jenis perkhidmatan di bawah kontrak tersebut dan diperihalkan dalam dokumen sebut harga .
- 1.6 "Kontrak Tersebut" maksudnya kontrak yang ditakrifkan menurut perenggan 2 & 3 (Mukadimah) perjanjian ini.

5.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

- 5.1 Kontraktor dengan ini mengakujaji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar:
- 5.2 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang sah yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak-kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.
- 5.3 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh kontraktor untuk melayakkannya menandatangani perjanjian ini.
- 5.4 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan kontraktor.
- 5.5 Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran untuk lesen kontraktor ditarik balik.
- 5.6 Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang diberikan oleh Kontraktor kepada MPC adalah benar belaka.
- 5.7 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuatkuasa dalam tempoh berkuasanya perjanjian ini.

6.0 BON PELAKSANAAN (Dikecualikan)

7.0 GANTIRUGI

- 7.1 Kontraktor bersetuju dengan MPC bahawa:
 - a) Kontraktor hendaklah melaksanakan semua obligasinya di bawah perjanjian ini atas risikonya dan hendaklah melepaskan, setakat

yang dibenarkan oleh undang-undang, MPC daripada apa-apa tuntutan akibat daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian yang berlaku berpunca daripada pelaksanaan Pembekalan dan MPC tidak bertanggungjawab atau bertanggung terhadap kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian tersebut.

- b) Kontraktor hendaklah menanggung rugi dan akan sentiasa menanggung rugi MPC daripada dan terhadap apa-apa tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kehilangan, kerosakan, kerugian, pampasan, kos (termasuk kos berkaitan guaman dan perundangan) dan apa-apa pembayaran dari perbelanjaan yang mana MPC akan atau menjadi bertanggung berkenaan dengan atau timbul daripada keadaan seperti berikut:
 - i) Perbuatan salah guna dan kecuaiian Kontraktor, pekerjaanya, ejennya atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Kontraktor termasuklah pekerja atau ejen pihak ketiga tersebut;
 - ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda atau kecederaan, dalam apa jua sifat, bentuk atau keadaan sekalipun yang dialami atau disebabkan oleh pelaksanaan Pembekalan oleh kecuaiian atau tindakan sengaja, kesilapan atau ketinggalan MPC, pekerja atau ejennya; atau
 - iii) Apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul daripada apa jua sebab kepada harta benda atau mana-mana individu yang terlibat dengan pelaksanaan Pembekalan sehingga setakat mana perkara tersebut disebabkan atau disumbangkan oleh tindakan, ketinggalan, kecuaiian, pelanggaran atau kemungkiran Kontraktor atau pekerjaanya, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh Kontraktor; dan
- c) Obligasi Kontraktor di bawah Klausa ini selepas Tarikh Luput Perjanjian atau pada tarikh penamatan awal Perjanjian ini sekiranya terdapat apa-apa tanggung rugi akibat dari tindakan, perbuatan, perkara atau hal yang berlaku sebelum Perjanjian ini luput atau ditamatkan.

- 7.2 Kontraktor hendaklah, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, menanggung rugi, melindungi dan mempertahankan MPC, kakitangannya atau ejennya daripada dan terhadap apa-apa tindakan, tuntutan dan liabiliti yang berpunca daripada tindakan Kontraktor dalam melaksanakan Pembekalan di bawah Perjanjian ini termasuklah penggunaan atau pelanggaran apa-apa kerja hak cipta, karya sastera atau reka cipta, barangan atau alatan berpaten milik mana-mana orang dalam apa jua bentuk.

8.0 IKLAN

- 8.1 Perjanjian ini tidaklah boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan dari MPC.

9.0 PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL

- 9.1 Kontraktor tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis MPC.

10.0 PEMBERIAN MILIK

- 10.1 Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis MPC.

11.0 FORCE MAJEURE

- 11.1 Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan berikut iaitu, rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang

menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan perjanjian ini, perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua pihak.

12.0 PENAMATAN PERJANJIAN

12.1 MPC boleh memberi notis bertulis kepada kontraktor menamatkan perjanjian ini jika:

12.2 Representasi dan waranti yang diberikan oleh kontraktor dalam perjanjian ini didapati tidak benar.

12.3 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini atau;

12.4 Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila kontraktor itu adalah suatu firma, mana-mana pengkongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu keterangan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerimaan atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulangan atau;

12.5 MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau diluar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan rasuah atau aktiviti bercanggah dengan perbuatan yang akan terjumlah kepada suatu kesalahan menurut **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** atau kesalahan dengan undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain antara Kontraktor dengan pihak MPC dengan syarat

sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk menuntut apa-apa kerugian, kos, kerosakan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPC akibat daripada penamatan itu; atau

- 12.6 MPC boleh menamatkan kontrak di bawah fasal ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

13.0 CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN

- 13.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara notis bertulis tidak kurang daripada **satu (1) bulan** dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.
- 13.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini.

14.0 KELELAPAN DEPOSIT

- 14.1 Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau di mana MPC menamatkan perjanjian ini menurut perenggan 13.0 perjanjian ini. MPC berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut perjanjian ini beserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Bank Guarantee atau Bond Pelaksanaan gantirugi atau kerugian yang telah dialami oleh MPC akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak MPC untuk melelapkan deposit dan menuntut gantirugi di bawah Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak akan menyekat MPC untuk menuntut kerugian atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

15.0 NOTIS

- 15.1 Notis-notis yang hendak diserahkan kepada kontraktor memadamkan sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada MPC memadamkan sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya dihantar ke tempat yang dialamatkan itu.

16.0 MASA

- 16.1 Di mana-mana dalam perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

17.0 DUTI SETEM DAN KOS

- 17.1 Apa-apa duti setem yang harus dibayar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan perjanjian ini akan ditanggung oleh kontraktor.

18.0 UNDANG-UNDANG

- 18.1 Perjanjian-perjanjian ini hendaklah ditaksirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

19.0 PINDAAN-PINDAAN

- 19.1 Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

20.0 TIMBANGTARA

- 20.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara MPC dengan Kontraktor mengenai penafsiran, pengertian atau berkuatkuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak didalamnya atau apa-apa perkara yang terbit


darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara MPC dengan Kontraktor, dirujukkan kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh MPC dan seorang lagi oleh Kontraktor, dan aturcara timbangtara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

- RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG -

Dengan ini disaksikan pihak-pihak di sini telah menandatangani pada
..... haribulan tahun

Ditandatangani bagi pihak MPC oleh:

Nama: ...DATO' ABDUL LATIF HI ABU SEMAN.....
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Jawatan:


.....
(Tandatangan)

Cop Rasmi Jabatan:

di hadapan saksi:-

Nama:
DATIN ROSELEENA HASHIM
Jawatan:
SETIAUSAHA PERBADANAN
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA


.....
(Tandatangan)

Cop Rasmi Jabatan:

Ditandatangani bagi pihak Kontraktor oleh:-

Nama:
MUHAMMAD AZLI SHARIFF
Jawatan:
PENGURUS


.....
(Tandatangan)

No. Kad Pengenalan:
710422-01-6413

Cop Rasmi Syarikat:

di hadapan saksi:-

Nama:
SAHRIL JAMMAN BIN ABU BAKAR
Jawatan:
PEN. PENGURUS

MPTEC ENTERPRISE (001167291-D)
BLOK BB-00-15, JLN ANGSANA 8
TAMAN BUKIT ANGSANA, OFF JALAN CHERAS KAJANG
HULU LANGAT, 43200 CHERAS, SELANGOR
TEL: 018-3158968 / 018-3147829 / 018-3151942
FAX: 03-91814232
Email: mptech.enterprise@gmail.com/vicstan87@yahoo.com


.....
(Tandatangan)

No. Kad Pengenalan:
730401-08-6541

Alamat:
NO. 122 JALAN 1/5 TAMAN
LINGKARAN NUR
43000 KAJANG, SELANGOR



DOKUMEN SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN
(MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) DI BANGUNAN IBU
PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI
2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021**

NO. TAWARAN : MPC 33/2019
TARIKH BUKA : 29 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)
TARIKH TUTUP : 6 DISEMBER 2019 (JUMAAT)
MASA TUTUP : 12.00 TENGAH HARI
NO. BORANG :

LAPORAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA 33/2019

PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL) DI BANGUNAN IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) BAGI TEMPOH 2 TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2020 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

Laporan penilaian ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga MPC untuk cadangan melantik pembekal bagi menjalankan perkhidmatan seperti di atas.

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Sebanyak empat (4) penyebutharga telah mengemukakan tawaran mereka untuk Sebut Harga MPC 33/2019. Sebut harga telah dibuka pada 29 November 2019 dan ditutup pada 6 Disember 2019.

2.0 KAEDAH PENILAIAN

- 2.1 Tawaran-tawaran telah dinilai daripada tiga aspek iaitu spesifikasi am, harga perkhidmatan dan keupayaan kewangan.

- 2.2 Penilaian spesifikasi am meliputi aspek profail syarikat dan pematuhan kepada dokumen sebut harga. Maklumat profil syarikat yang direkodkan adalah seperti berikut:

- i) Jenis perniagaan
- ii) Tempoh sah pendaftaran
- iii) Bilangan kakitangan teknikal

manakala pematuhan kepada dokumen sebut harga disemak dari segi:

- i) Borang sebut harga dan surat akuan pembida
- ii) Lampiran A, B, C, D, E dan F di mana:

LAMPIRAN	KETERANGAN
A	Maklumat penyebut harga
B	Butir-butir kerja/ perkhidmatan/ pembekalan yang telah dijalankan dalam tempoh tiga tahun yang lampau/ sekarang
C	Senarai kakitangan syarikat
D	Kemudahan pengangkutan
E	Kemudahan bengkel/ stor
F	Senarai semakan

- 2.3 Di bawah spesifikasi harga perkhidmatan, penilaian dibuat meliputi maklumat harga terendah sehingga harga tertinggi tawaran.

- 2.4 Penilaian spesifikasi keupayaan kewangan seperti berikut:

- i) Modal perniagaan
- ii) Penyata Bulanan Akaun Syarikat (3 bulan)

3.0 PENILAIAN TAWARAN

3.1 Matriks Skema Pemarkahan Mengikut Keutamaan bagi spesifikasi harga perkhidmatan, butiran terperinci maklumat spesifikasi-spesifikasi am dan keupayaan kewangan penyebut harga adalah seperti Jadual 1,2,dan 3 dibawah.

3.2 Jadual 1 : Spesifikasi Am Penyebutharga

Bil.	Penyebut harga	Tempoh sah pendaftaran	Bil kakitangan	Surat Akuan Penyebut harga	Lampiran A-F	Jumlah skor (/7)	Wajaran (15%)
1	1/4	1	3	1	1	6	12.86
2	2/4	1	2	1	1	5	10.71
3	3/4	1	3	1	1	6	12.86
4	4/4	1	3	1	1	6	12.86
		1: sah 0: tidak sah	4: >15 3: 10-15 orang 2: 4-9 orang 1: 1-3 orang 0: tiada	1: lengkap 0: tidak lengkap	1: lengkap 0: tidak lengkap		

3.2.1 Kesemua penyebutharga memenuhi spesifikasi am penyebutharga dan dokumen adalah lengkap.

6.4 Jadual 2 : Spesifikasi Keupayaan Kewangan Penyebutharga

Bil	Penyebut Harga	Modal Berbayar	Baki Akaun (Semasa)	Penyata Bulanan Syarikat	Jumlah Skor (/9)	Wajaran (15%)
1	1/4	1	1	1	3	5.0
2	2/4	0	1	1	2	3.3
3	3/4	1	1	1	3	5.0
4	4/4	1	1	1	3	5.0
		4: >RM 1 juta 3: RM 600,001 Hingga RM 1 juta 2: RM 300,001 hingga RM 600,000 1: ≤RM300,000 0: tiada maklumat	4: >RM600,001 3: RM300,001 hingga RM600,000 2: RM100,001 hingga RM300,000 1: ≤RM100,000	1: Dikemukakan 0: Tidak dikemukakan		

3.4.1 Penyebutharga 2/4 dikeluarkan daripada senarai penyebutharga kerana tidak memenuhi kriteria iaitu tidak menyatakan modal berbayar.

3.5 Jadual 3 : Matriks Skema Pemarkahan Harga Perkhidmatan Mengikut Keutamaan.

Bil	Penyebut Harga	Harga Yang Ditawarkan (tidak termasuk SST 6%)	Peratusan Dari Harga Terendah (%)	Markah (/7)	Wajaran (70%)
1	1/4	180,000.00	Harga Terendah	7	70%
2	3/4	189,360.00	5.2	6	60%
3	4/4	198,720.00	10.4	5	50%

Markah

7	Harga Terendah
6	0-10 peratus dari harga terendah
5	>10-25 peratus dari harga terendah
4	>25-50 peratus dari harga terendah
3	>50-80 peratus dari harga terendah
2	>80 peratus dari harga terendah
1	>100 peratus dari harga terendah

3.6 Jadual 4 : Ringkasan Markah Wajaran Mengikut Kedudukan:

BIL	KEDUDUKAN	PENYEBUT HARGA	SPESIFIKASI AM PENYEBUTHARGA	SPESIFIKASI KEUPAYAAN KEWANGAN	SPESIFIKASI PEMARKAHAN HARGA PERKHIDMATAN	JUMLAH MARKAH
			WAJARAN			
			15%	15%	70%	100%
1		1/4	12.86	5	70	87.86
2		3/4	12.86	5	60	77.86
3		4/4	12.86	5	50	67.86

3.6.1 Jadual 4 menunjukkan ringkasan markah wajaran mengikut kedudukan di mana penyebutharga 1/4 merekodkan jumlah markah wajaran tertinggi sebanyak 87.6%.

4.0 PENGALAMAN


Penyebut Harga	Pengalaman &
1/4	i. Perkhidmatan kerja-kerja fire protection 6 bulan di MDLINK Sdn Bhd ii. Perkhidmatan kerja-kerja membaikpulih penghawa dingin jenis <i>wall mounted</i> selama 3 bulan di USIM Hijrah Holding Sdn Bhd iii. Kerja-kerja penyelenggaraan dan menukarganti system clean agent untuk bilik server dan makmal computer selama 6 bulan di Akedemi Audit Negara Nilai
3/4	i. Perkhidmatan kerja-kerja membaikpulih lampu berkapasiti tinggi seperti spotlight dan lampu dewan ii. Pembaikan fan shaft & bearing nihond spindle cooling tower iii. Perkhidmatan bagi kerja-kerja membaikpulih system pendingin udara jenis water cooled package type 35hp iv. Perkhidmatan penyelenggaraan komprehensif penyaman udara dan fan coil jenis berasingan di Agensi Nuklear Malaysia v. Perkhidmatan kerja membaiki system paip dan kawalan pam air domestic di Agensi Nuklear Malaysia vi. Kerja-kerja membekal dan memasang 1 unit multi stage pump bekalan air domestic di Wisma Amanah Raya vii. Pemasangan bilik sejuk / corum di makmal perintis Bioteknologi Ibu Pejabat Mardi Serdang viii. Perkhidmatan membekal dan memasang penyaman udara berkapasiti 6HP di PPUM ix. Perkhidmatan membekal alatganti peralatan elektrik untuk kompleks Institut Agro Bioteknilogy x. Penyelenggaraan dan membaikpulih kerosakan motorized valve dan lain-lain kerosakan pada Air Handling Unit (AHU) xi. Perkhidmatan kerja-kerja penyelenggaraan system chiller / sentral unit
4/4	i. Perkhidmatan servis dan penyelenggaraan system penyaman udara berasingan di UKM ii. Pendawaian semula elektrik pada peti pembekal DB1 highmast di Stadium MPS iii. M & E building maintenance iv. Kerja-kerja penyelenggaraan 16 unit 'Hangar Door Drive System' di JKR Shah Alam v. Perkhidmatan penyelenggaraan berkala untuk system penyaman udara di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

5.0 SYOR

4.1 Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut harga 3/4 ditawarkan sebagai pembekal untuk bagi perkhidmatan penyelenggaraan (mekanikal & elektrik) di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Petaling Jaya, Selangor. Penyebutharga 3/4 ini dipilih walaupun menawarkan harga kedua terendah adalah kerana :

- 1. Memenuhi spesifikasi am yang ditetapkan.**
- 2. Mempunyai keupayaan kewangan yang baik dan kukuh.**
- 3. menawarkan harga perkhidmatan sebanyak RM 189,360.00 dimana ianya tidak melebihi daripada peruntukan yang diluluskan sebanyak RM 207,504.00.**
- 4. Mempunyai pengalaman teknikal yang sangat luas berdasarkan tempoh perkhidmatan kerja bersama MPC melebihi 8 tahun dan menunjukkan kualiti kerja yang sangat memuaskan.**

Disokong dan disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Harga:

	DISOKONG / TIDAK DISOKONG	DISOKONG / TIDAK DISOKONG	DISOKONG / TIDAK DISOKONG
TANDATANGAN	 disokong		
NAMA	Nur Hanim Abd Ghani	Mohd Amrol Md Khair	Akmar Ashaari
JAWATAN	Pengerusi	Ahli 1	Ahli 2
TARIKH	9/12/19	9/12/2019	9/12/2019

Disediakan oleh:


Amirul Qamar Zakaria
Penolong Jurukera
Unit Aset & Teknikal
Tarikh: 9/12/19

Disemak oleh:


Norazlina Tun Ibrahim
Pengurus
Unit Aset & Teknikal
Tarikh: 9.12.2019

Bil Kertas: _____
(Untuk diisi oleh Urusetia
PCT)


**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 9 Disember 2019

Masa : 2.45 petang

Tempat : Bilik Innovation

Tajuk Kertas: Perkhidmatan penyelenggaraan (Mekanikal & Elektrikal) di bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi tempoh 2 tahun bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021

Bil.	*Nama	Tandatangan
1	(Nama pengerusi JPH) Nur Hanim Abd Ghani	
2	(Ahli JPH 1) Mohd Amirol Md Khair	
3	(Ahli JPH 2) Akmar Ashaari	
4	(Penyedia Laporan JPH) Amirul Qamar Zakaria	

***Akuan Selesai Tugas Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH)**

Merujuk kepada mesyuarat di atas, kami adalah dengan sesungguhnya dan seterusnya mengisytiharkan bahawa:

- I. Kami telah menjalankan tugas sebagai Pengerusi/Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak lain atau terlibat dalam apa-apa amalan rasuah atau ganjaran seperti ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);*
- II. Tiada mana-mana ahli keluarga atau saudara terdekat kami mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh kami;*
- III. Kami tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan ini kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88); dan*
- iv. Kami sesungguhnya faham bahawa jika kami melanggar mana-mana terma dalam Akuan ini, kami boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 605, Akta badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.*

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA (JPH)**

Tarikh : 9 Disember 2019
Masa : 2.45 petang
Tempat : Bilik Innovation
Tajuk Kertas : Perkhidmatan penyelenggaraan (Mekanikal & Elektrikal) di bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi tempoh 2 tahun bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021

Kehadiran:

1. Pengerusi JPH – Nur Hanim Abd Ghani
2. Ahli JPH 1 – Mohd Amirol Md Khair
3. Ahli JPH 2 – Akmar Ashaari
4. Penyedia Laporan JPH – Amirul Qamar Zakaria

AGENDA

1. Ucapan pengerusi

Pengerusi mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga A.

2. Latar belakang projek

- Bajet operasi yang telah diluluskan oleh Pihak Pengurusan MPC ialah RM207,504.00 (rujuk keratan minit BOM bil 1173/2019).
- Pada masa ini, perkhidmatan bagi penyelenggaraan bangunan (mekanikal & elektrik) di Ibu Pejabat MPC dilaksanakan oleh MPTEC Enterprise bermula dari 1 Januari 2017 sehingga tamat pada 31 Disember 2019 (tempoh kontrak adalah selama 24 bulan).
- Kos perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut adalah sebanyak RM 7,860.00 / bulan atau RM 188,640.00 / 2 tahun

3. Perbincangan

Mesyuarat telah bersetuju untuk meluluskan Penyebut harga 3/4. Kaedah penilaian bagi tawaran sebut harga adalah berdasarkan spesifikasi teknikal, menawarkan harga perkhidmatan munasabah dan mempunyai pengalaman lepas Bersama MPC dalam bidang yang berkaitan. Antara skop kerja tersebut adalah :


- (a) Memenuhi spesifikasi am yang ditetapkan.
- (b) Mempunyai keupayaan kewangan yang baik dan kukuh.
- (c) Menawarkan harga perkhidmatan sebanyak RM 189,360.00 dimana ianya tidak melebihi daripada peruntukan yang diluluskan sebanyak RM 207,504.00.
- (d) Mempunyai pengalaman teknikal yang sangat luas berdasarkan tempoh perkhidmatan kerja bersama MPC melebihi 8 tahun dan menunjukkan kualiti kerja yang sangat memuaskan.

(Tindakan: Amirul Qamar Zakaria, Unit AST)

4. Pengesyoran


Jawatankuasa Penilaian Harga (JPH) mengesyorkan Penyebut harga 3/4 ditawarkan sebagai pembekal untuk kerja-kerja perkhidmatan penyelenggaraan (mekanikal & elektrik) di bangunan Ibu Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia MPC bagi tempoh 2 tahun bermula 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021.

Disediakan oleh:



.....
5. Amirul Qamar Zakaria
Penyedia Laporan JPH
Tarikh : 9/12/19

Disahkan oleh:



.....
Nur Hanim Abd Ghani
Pengerusi JPH
Tarikh : 9/12/19